

9.1 Usaha Rundingan Kemerdekaan

- 1 Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan pihak British mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi usaha kemerdekaan negara kita?
 - (i) Luar negara
 - Bebas** Keadaan selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan usaha membebaskan negara daripada penjajahan seperti di Mesir, India, Burma dan Filipina.
 - Bangkit** Rakyat bangkit menentang penjajah dan mencapai kemerdekaan.
 - (ii) Dalam negara
 - Jamin** Kerajaan British memberikan jaminan bahawa mereka akan membantu Persekutuan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri secepat mungkin.
 - Asas** Pilihan Raya Umum 1955 menjadi asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri.

- 2 Apakah kepentingan rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan?
 - Jelas** Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan di London.
 - Bincang** Membincangkan hal keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan soal berkaitan dengan perlembagaan negara yang akan merdeka.

- 3 Siapakah yang menyokong rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan?
 - Semua kaum** Mendapat sokongan semua kaum tanpa mengira ideologi parti politik.
 - Thuraisingham** Antara pihak yang menyokong perundingan ini termasuklah E.E.C. Thuraisingham, wakil orang Ceylon.
 - Boestamam** Ketua Parti Rakyat, iaitu Ahmad Boestamam, pemimpin Parti Negara, wakil Parti Buruh dan wakil kaum Serani turut menyokong perundingan ini.
 - Seru** Ahmad Boestamam menyeru agar rakyat menyokong usaha rombongan ke London ini.

- 4 Pada pendapat anda, apakah peranan generasi hari ini dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan tercapai? Kemukakan hujah anda.
 - Kekal** Mengekalkan jati diri – berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara
 - Tabah** Cekal dan tabah menghadapi segala rintangan – mampu bersaing dengan negara luar
 - Harmoni** Mengekalkan keharmonian hidup pelbagai kaum – menjamin keamanan dan kesejahteraan negara
 - Sokong** Menyokong dasar-dasar kerajaan – menjadi rakyat berminda kelas pertama – menyumbang idea dan kemahiran

- 5 Sebanyak 10 ribu orang dianggarkan menghantar rombongan kemerdekaan ke London di Tanjung Pagar, Singapura. Namakan wakil yang terlibat dalam rombongan kemerdekaan tersebut.
 - (i) Wakil Raja-raja Melayu
 - Menteri Besar Perak** Dato’ Panglima Bukit Gantang, iaitu Dato’ Haji Wahab Abd Aziz
 - Menteri Besar Selangor** Encik Abdul Aziz Abdul Majid
 - Menteri Besar Johor** Dato’ Mohamad Seth Mohammad Said
 - Menteri Besar Kelantan** Dato’ Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

(ii) Wakil Parti Perikatan

Tunku Abdul Rahman
 Dato' Abdul Razak Hussein
 H.S. Lee
 Dr. Ismail Abdul Rahman

6 Ceritakan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.

Berangkat Tunku Abdul Rahman berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan menaiki kapal terbang.
Naik Pada 1 Januari 1956, pukul 5:00 petang, rombongan kemerdekaan menaiki kapal laut, M.V. Asia berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura dengan membawa semangat merdeka.
Singgah Rombongan ini singgah di Karachi, Pakistan.
Tuju Kemudian, mereka menaiki kapal terbang menuju ke London.
Tiba Rombongan ini tiba di London pada 14 Januari 1956.

7 Pada pendapat anda, mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut bukannya kapal terbang?

Berikan hujah anda.

Ketua Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.
Rancang Beliau merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut.
Susun Tujuan beliau menyusun perjalanan sebegini agar dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu.
Setuju Tunku Abdul Rahman berbuat demikian bagi mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British.

8 Rundingan kemerdekaan berlangsung dari 18 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956, antara wakil Raja-raja Melayu, Parti Perikatan dengan British di Lancaster House, London.

Apakah yang ditegaskan oleh Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya di London?

Taraf Ketika membalas ucapan alu-aluan daripada kerajaan British, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan rombongannya sedang berusaha bagi mendapatkan taraf berkerajaan sendiri untuk Persekutuan Tanah Melayu dengan serta-merta.
Merdeka dan kemerdekaan penuh pada tahun hadapan.

9 Apakah perkara yang dirundingkan dan disepakati di London?

(i) British

Lantik Ahli Majlis Eksekutif, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri.
Ganti rugi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu harus memberikan ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan.
Perjanjian Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara Persekutuan Tanah Melayu dengan British.
Bantuan Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

(ii) Perwakilan Tanah Melayu

Hapus Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan dan digantikan dengan Menteri Kewangan.
Tuntut Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi hendaklah dalam kalangan rakyat Persekutuan Tanah Melayu.
Ganti Menginginkan Menteri Pertahanan daripada rakyat Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang oleh pegawai British.
Tarikh Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957.
Runding Berunding tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam

negeri dan perkhidmatan awam.

10 Pada pendapat anda, sejauh manakah misi rundingan merdeka ini berjaya?

Kemukakan alasan anda.

- Laporan** Dalam rundingan merdeka ini, segala perbincangan dihasilkan dalam satu laporan setebal 20 halaman.
- Berjaya** Misi rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu ini juga berjaya mendapatkan persetujuan kerajaan British.
- Beri** Tujuan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956.
- Setuju** Dalam rundingan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan bagi negara kita.

11 Misi rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu ini juga berjaya mendapatkan persetujuan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. Bagaimanakah tarikh kemerdekaan ditentukan?

- Pandangan** Penetapan tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 ditentukan selepas Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin yang lain meminta pandangan daripada Sheikh Abdullah Fahim, ulama besar dari Kepala Batas, Pulau Pinang.

12 Bagaimanakah situasi sambutan terhadap kembalinya Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka sebaik tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka?

- Tiba** Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka selamat tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka pada 20 Februari 1956.
- Arak** Rombongan merdeka diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka.
- Datang** Lebih kurang 100 ribu orang datang dengan menaiki bas, lori dan berjalan kaki dari seluruh negara.
- Kumpul** Mereka berkumpul untuk mendengar ucapan pengumuman tarikh kemerdekaan.
- Maklum** Tunku Abdul Rahman memaklumkan bahawa melalui Perjanjian Kemerdekaan, negara kita akan diberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- Laung** Serentak dengan pengumuman itu, rakyat yang membanjiri Padang Banda Hilir, Melaka, melaungkan "Merdeka" dengan bergemuruh.

13 Kepimpinan cemerlang dan berwibawa penting terhadap pembangunan sesebuah negara.

Beri komen anda.

- Jamin** Menjamin keselamatan negara dan rakyat – kekalkan kestabilan negara – memajukan ekonomi
- Pasti** Memastikan pentadbiran cekap dan cemerlang – tegakkan keadilan – tegakkan hak rakyat – kesejahteraan rakyat – wujudkan keamanan dan keharmonian negara
- Amal** Mengamalkan sikap terbuka – kerajaan mesra rakyat – memupuk toleransi
- Kurang** Mengurangkan karenah birokrasi – pengurusan sistematik – mesra rakyat

9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

1 British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu dan memulakan tugasnya pada akhir bulan Jun 1956.

Nyatakan tugas suruhanjaya ini.

- Bincang** Membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

2 Jelaskan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai garis panduan dalam usaha menjalankan tugasnya.

Periksa	Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu, mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.
Cadang	Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan.
Pusat	Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu
Lindung	Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.
Ketua negara	Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara. iaitu Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu.
Warganegara	Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu.
Kedudukan	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

3 Perlembagaan Merdeka dirangka oleh Suruhanjaya Reid dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak.

Mengapakah perkara ini diambil kira? Beri hujah anda.

Berbilang kaum	Tanah Melayu penduduk berbilang kaum dan pelbagai budaya
Toleransi	Perpaduan dan toleransi antara kaum perlu diutamakan – keharmonian negara
Perpaduan	Mengutamakan cadangan Parti Perikatan – sebagai suara perpaduan
Kedudukan	Kedudukan orang Melayu dan hak istimewa – seperti yang telah dipersetujui semua kaum
Adil	Perlembagaan yang adil – demi kesejahteraan hidup rakyat dan keamanan negara
Sama	Hak yang sama kepada semua kaum – mengukuhkan ikatan perpaduan – menjamin keadilan

4 Tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) 1956 termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Siapakah yang menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

Lord Reid (Pengerusi) – Britain
 Sir William Ivor Jennings (Britain)
 Sir William McKell (Australia)
 Hakim B. Malik (India)
 Hakim Abdul Hamid (Pakistan)

5 Bagaimanakah gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) 1956?

Cadangan	Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara bertulis atau lisan.
Terima	Suruhanjaya ini menerima memorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti.
Teliti	Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan.
Hadap	Menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri.
Mesyuarat	Mereka juga bermesyuarat dan melawat negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat.
Sidang	Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu.
Jumpa	Sebanyak 118 perjumpaan diadakan dari bulan Jun hingga bulan Oktober 1956.
Kaji	Mengkaji dan membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan bagi sebuah negara merdeka.

6 Kejayaan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan melaksanakan tugas adalah hasil perundingan dengan pelbagai pihak. Buktikan pernyataan tersebut.

Runding	Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan berunding dengan pelbagai pihak - pemimpin dan rakyat
Suara	Mereka menyuarakan idea dan pandangan bagi membentuk sebuah negara merdeka yang sejahtera.
Isu	Berpandukan isu-isu yang disuarakan semua kaum.
Prihatin	Sikap prihatin dan terbuka yang berterusan dizahirkan dalam penggubalan perlembagaan negara yang merdeka.
Sama	Perjuangan dengan matlamat yang sama.

9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

1 Beberapa langkah diambil sejak pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu seperti mendapatkan memorandum daripada pelbagai pihak, mengadakan rundingan dan akhirnya merangka draf perlembagaan.

Apakah yang terkandung dalam 131 memorandum bertulis?

Terima	Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima antaranya daripada pihak Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan untuk dipertimbangkan.
Kaitan	Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran, kewarganegaraan dan kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa serta pendidikan.

2 Jelaskan langkah-langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Memorandum	Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan untuk dipertimbangkan.
Draf	Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan draf perlembagaan.
Reaksi	Pelbagai pihak memberi reaksi terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
Lepas	Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin dan V.T. Sambanthan berlepas sekali lagi ke London.
Bincang	Berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad - beberapa perubahan dan pindaan dibuat pada draf perlembagaan.
Sembah Bentang	Hasil pindaan disembah perkenan dan dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja. Draf ini kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan dan dibahaskan pada 10 Julai 1957 hingga 11 Julai 1957.
Lulus	Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diluluskan oleh Parlimen British di London dan kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957.
Kuatkuasa	Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31 Ogos 1957.

3 Toleransi antara kaum membolehkan negara kita mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah. Beri komen anda.

Wibawa	Kepimpinan berwibawa – sokongan Raja-raja Melayu – menggubal dahulu perlembagaan.
Satu padu	Menyatupadukan kaum terlebih dahulu - mendukung konsep permuafakatan – sedia menerima – kerjasama seluruh kaum - kedaulatan negara diutamakan.
Pakatan Bijak	Membentuk pakatan murni – melalui perundingan – perjuangan Parti Perikatan. Kebijaksanaan pemimpin – pendekatan yang sederhana - berani mengambil risiko – matlamat jelas.

- 4 **Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu. parti politik, badan awam dan orang perseorangan untuk dipertimbangkan dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.**

Jelaskan tentang memorandum bertulis daripada pihak Raja-raja Melayu.

Kemuka	Raja-raja Melayu mengemukakan memorandum baginda sendiri.
Cadang	Antaranya, baginda mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong.
Pilih	Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan.
Lima	Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun.
Letak	Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
Lindung	Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

- 5 **Apakah yang terkandung dalam memorandum daripada parti politik dan pihak awam untuk dipertimbangkan?**

(i) Soal Kewarganegaraan

Cadangan	Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan.
Jus soli	Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu jus soli dalam parti Perikatan.
UMNO	Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan jus soli.
Melayu	Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan.
Cina	Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran.
India	Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti.
Serani	Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan.

(ii) Bahasa dan Pendidikan

Terus	Memorandum daripada MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan.
Pelajari	Memorandum juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.

- 6 **Sikap keterbukaan dengan menerima pandangan daripada pelbagai pihak perlu dipertahankan. Pada pendapat anda, apakah kepentingannya kepada negara kita?**

Beri hujah anda.

Rundingan	Mengutamakan rundingan sebagai penyelesaian masalah – mengukuhkan perpaduan antara kaum – sedia menerima perubahan demi kebaikan bersama
Berani	Berani memberi pendapat – demi hak dan keadilan – secara berhemah – memelihara keharmonian kaum – negara aman
Toleransi	Mengamalkan sikap sentiasa bertoleransi – sentiasa rasional membuat keputusan – bertimbang rasa dan tidak mementingkan diri
Terima	Menerima perubahan dan pembaharuan – ekonomi dan teknologi – meningkatkan taraf hidup – berusaha bersama untuk kemajuan negara

- 7 **Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan yang menerima reaksi daripada pelbagai pihak sebelum dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957. Apakah yang terkandung dalam draf perlembagaan tersebut?**

Terus	Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu.
Asas	Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.
Istimewa	Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan.
Terima	Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-

Parlimen Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu. Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk.

8 Bagaimanakah reaksi masyarakat terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

UMNO Terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep jus soli kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat - agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi - bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi.

PAS Parti PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu dan mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara - menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi.

Cina Terdapat juga sebahagian daripada pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan - sementara itu, MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian.

Onn Jaafar Kongres Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar. Mendorong Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini.

9 Kejayaan penggubalan perlembagaan ini membuktikan bahawa permuafakatan mampu membawa kestabilan negara.

(i) Buktikan bahawa Perlembagaan Malaysia adalah kunci kepada kestabilan politik.

Wibawa Pemimpin berwibawa – pentadbiran yang cekap dan berkesan – menjadi panduan hala tuju negara – maruah negara terjaga

Adil Sistem perundangan yang adil - hak asasi rakyat dijamin – wujud keadilan sosial – masyarakat yang harmoni

Agih Pengagihan bidang kuasa – wujudkan bidang tugas yang jelas – pembesar tidak berwibawa dipecat – laksanakan sistem demokrasi – mengurangkan karenah birokrasi

Raja Membentuk institusi raja berperlembagaan – mengukuhkan kewibawaan sultan – wujud taat setia rakyat kepada pemimpin

(ii) Sebagai generasi muda hari ini, bagaimanakah anda menghormati kandungan perlembagaan negara kita? Kemukakan alasan anda.

Akrab Hubungan yang akrab sesama masyarakat – hidup saling menghormati – hidup bersatu demi keamanan negara tercinta

Rukun Negara Mengamalkan prinsip Rukun Negara – taat setia kepada raja dan negara – bebas mengamalkan agama masing-masing – mematuhi undang-undang

Rasional Berfikiran rasional dan matang – elakkan kepentingan peribadi – teguran dan nasihat secara berhemah

Prasangka Elakkan berprasangka buruk terhadap orang lain – menghargai keamanan – bersemangat kekitaan – negara tanggungjawab bersama

9.4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

1 Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (PTM), satu perjanjian telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Jelaskan tentang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Perkara Perjanjian ini mengandungi beberapa perkara seperti Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain, kedudukan agama Islam dan bahasa.

Tandatangan Perjanjian kemerdekaan ini ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald MacGillivray bagi pihak baginda Queen Elizabeth II di King's House, Kuala Lumpur.

Asas Perjanjian ini dijadikan asas pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

2 Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(i) Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen

Pilih Pemilihan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun sekali merupakan satu keistimewaan.

(ii) Kewarganegaraan

Lahir Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara.

Cara pertama Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara. Pertama, melalui penguatkuasaan undang-undang [Perkara 14].

Kedua Memohon didaftarkan sebagai rakyat [Perkara 15]

Ketiga Memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi [Perkara 19].

(iii) Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Kepentingan Sah Kaum Lain

Jaga Melayu Perjanjian Persekutuan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.

Lain Walaupun semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak serta kewajipan yang sama, rakyat keturunan Melayu diberikan beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu.

Lain Hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi.

(iv) Kedudukan Agama Islam

Persekutuan Agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara kita.

(v) Kedudukan Bahasa Melayu

Iktiraf Dalam Perjanjian Persekutuan ini, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan.

Pengantar Dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.

3 Berdasarkan pengkajian anda, apakah yang dapat anda rumuskan berkenaan tajuk ini?

Kemukakan hujah anda.

Rundingan Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan pihak British mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan.

Muafakat Gandingan permuafakatan antara wakil Raja-raja Melayu dengan pemimpin negara dalam usaha memperoleh kemerdekaan telah menampakkan hasil.

Rai Sekembalinya rombongan kemerdekaan ke tanah air, mereka diraikan di Padang Banda Hilir, Melaka, bagi mengumumkan tarikh kemerdekaan negara.

Bentuk Sementara itu, bagi mewujudkan sebuah negara yang merdeka, Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) telah dibentuk.

Tandatangan Hasil permuafakatan semua pihak, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani.

Asas Perjanjian ini menjadi asas kepada terbentuknya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang merdeka.

CIKGUADIES